

Simbol dalam Makan Tahun Masyarakat Kadayan, Sarawak

Mohamad Maulana Magiman
Othman Yatim

ABSTRAK

Kajian ini adalah mengenai peranan simbol dalam upacara *Makan Tahun* dalam kalangan masyarakat Kadayan di Sarawak. Upacara ritual ini sangat penting dalam masyarakat tersebut kerana ia berkait dengan kehidupan mereka yang berpusat pada penanaman padi. Upacara ini merupakan salah satu cara menzahirkan kesyukuran dan perasaan terhutang budi mereka terhadap tuhan. Ia juga merupakan kaedah simbolik untuk menyatukan anggota masyarakat yang mengalami konflik sama ada dalam bentuk perseorangan mahupun kumpulan. Data kajian ini diperolehi daripada observasi secara langsung terhadap perlakuan upacara tersebut. Didapati upacara ini adalah berbentuk sinkretisme, iaitu bercampur baur antara unsur-unsur animisme dengan unsur-unsur Islam. Pelaku utama adalah bomoh dan kalangan guru agama yang sinkretistik. Walaupun bersifat sinkretistik namun amalan upacara ini diterima umum oleh masyarakat tersebut.

Kata kunci: simbol, Pesta Makan Tahun, masyarakat Kadayan, Pesta Menuai Sarawak, sinkretisme.

ABSTRACT

This research is about the role of symbolic ritual of *Makan Tahun* among the Kadayan community in Sarawak. The ritual is very importance to this community due to the reason that their livelihood is centered around the cultivation of padi. This ritual is a thanksgiving ceremony as a way to express their gratitude to the god. It is also a symbolic tool to unite their society which experienced conflicts either between individual or groups. Data for this study had been collected from direct observations during the performance of the ritual. It is found that the practice of this ritual is a form of syncretism, namely, intermingling animism elements with Islamic elements. The major figures who undertake this ritual are the 'bomoh' (shaman) and 'syncretism-ustaz.' Although it is syncretism, the ritual is acceptable to the society.

Keywords: symbol, *Makan Tahun* Festival, Kadayan community, Sarawak Harvesting Festival, syncretism.

Pendahuluan

Hampir semua masyarakat di dunia ini mempunyai pelbagai tradisi masing-masing sama ada yang bercorak tradisional atau pun telah berubah mengikut peredaran zaman. Segala perubahan itu bukan atas dasar yang muda melupakan yang tua atau sebaliknya tetapi disebabkan pengaruh agama yang telah merubah segala anutan, kepercayaan dan ritual. Tidak semua budaya yang diketengahkan oleh generasi tua kian ditinggalkan tetapi ada juga masyarakat yang masih mengamalkan ritual, kepercayaan dan adat tersebut. Kesemuanya didasari oleh keinginan untuk mengelakkan diri daripada ditimpa kesengsaraan disebabkan pelanggaran arahan nenek moyang. Dalam menempuh kepesatan dan kemajuan, peranan tradisi masih lagi dianggap sebagai suatu kemestian.

Ritual merupakan alat transformasi dalam sesebuah masyarakat, di mana dalam kalangan setiap persembahan-persembahan ritual itu akan mengandungi unsur-unsur simbolik. Dalam proses pembentukan peraturan sosial, setiap perlakuan atau persembahan itu hendaklah dijalankan mengikut peraturan-peraturan yang telah ditetapkan. Ini disebabkan peraturan atau perlakuan itu akan menyebabkan sesuatu persembahan dalam kalangan ritual itu akan berhasil ataupun tidak. Selain itu, perlakuan yang terdapat dalam kalangan persembahan itu merupakan simbol dalam proses penyatuan orang yang memohon kuasa (merujuk kepada manusia) dan yang memberi kuasa (merujuk kepada kuasa luar biasa atau kuasa ghaib).

Terdapat juga penggunaan istilah *ritualization* untuk memberikan gambaran tentang ritual yang mengandungi konteks budaya sebagai cara yang paling berkesan dalam perlakuan ritual. Selain itu, ungkapan tersebut dapat membantu untuk menerangkan isu-isu klasik dalam pengkajian ritual tradisional seperti kepercayaan (*belief*), pengesahan (*legitimation*) dan kuasa (*power*). Ia bagi memudahkan untuk mengkategorikan setiap perlakuan dalam kalangan ritual yang kadang kala mempunyai unsur persamaan contohnya penerimaan tentang unsur-unsur ghaib yang mempunyai kuasa spiritual.

Kewujudan simbol itu pula berdasarkan pemahaman generasi terdahulu yang mengolah melalui imaginasi, pengalaman emosi dan intelektual serta mencakupi nilai psikologi dan sosiologi dalam pertumbuhan jiwa manusia. Umpamanya, simbol dalam kalangan ritual *Makan Tahun* dijadikan sebagai menandakan *kesyukuran* kepada Allah SWT di samping untuk mengingatkan kepada roh arwah keluarga yang meninggal dunia. Malah keunikan ritual *Makan Tahun* ini melambangkan kepada tamadun atau keseluruhan kebudayaan masyarakat Kadayan yang

menerimanya sebagai wadah kehidupan seharian. Namun ia banyak menimbulkan persoalan bagaimana keunikan ritual *Makan Tahun* itu dapat mengubah minda pemikiran masyarakat Kadayan melalui konsep simbol.

Kehidupan masyarakat Melayu adalah berdasarkan proses ketamadunan yang unik daripada pengaruh animisme, Hindu, Buddha, Islam dan Barat. Kesannya membawa kepada perubahan yang besar dalam corak kehidupan masyarakat Melayu. Walau bagaimanapun ternyata tamadun Islam telah membentuk kepada kehidupan masyarakat Melayu. Kewujudannya dalam masyarakat Melayu menampilkan simbol minda dan watak Melayu selaras dengan kehendak Islam walaupun kadang-kadang berbaur kebudayaan Hindu. Simbol menjadi tanda kepekaan yang asli, lahir untuk mengingat kembali sesuatu yang istimewa sebagai pemberi makna kepada kehidupan sesuatu masyarakat. Konteks pengalaman yang telah diterima oleh generasi tradisional memainkan peranan penting sebagai asas kepada penilaian atau pentafsiran sesuatu simbol. Sistem yang kompleks itu tidak akan memberi makna kepada satu pihak sahaja tetapi akan bermakna kepada pihak lain yang mempunyai signifikan dalam penilaian atau pentafsiran simbol yang dirujuk. Selain itu, simbol tidak menunjukkan makna kekal, ia akan berubah mengikut kehendak masyarakat pendukungnya yang berubah mengikut persekitaran, cita rasa dan budaya.

Dalam ritual *Makan Tahun* ini, ia mempunyai simbol tersendiri contohnya semasa melakukan *Ratib Saman*, solat Dhuha, solat Hajat dan sebagainya adalah untuk memuji akan kebesaran Allah SWT yang telah memberikan kesejahteraan kepada masyarakat Kadayan. Di samping itu, matlamat mengadakan ritual ini adalah untuk mengurangkan jurang di antara masyarakatnya. Selain itu, unsur-unsur benda seperti *kelupis*, penyediaan *pin'yaam* pula perlu mematuhi peraturan yang telah ditetapkan supaya hasil yang dikehendaki memiliki *kesucian*. Manusia menggunakan daya sensitiviti yang tinggi dan daya interpretasi untuk memahami pemikiran falsafah yang terkandung di sebalik simbol itu.


Analisis Simbol dalam *Ritual Makan Tahun*

Simbolisme terdapat dalam dua kriteria utama, iaitu pertama, simbol itu terdiri dalam bentuk yang berupa corak pemikiran masyarakat. Ia mencakupi kepercayaan seperti animisme yang tergolong dalam masyarakat primitif yang pada hari ini tidak lagi relevan. Kedua, simbol itu berupa semiotik yang tidak terbatas kepada bahasa sahaja tetapi ia

mempunyai maksud tersirat. Dalam kehidupan bermasyarakat, pada dasarnya simbol atau lambang itu adalah tanda yang ditentukan oleh peraturan masyarakat. Sebab itu, kalau dilihat berdasarkan beberapa perayaan yang terdapat di kawasan Borneo (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Sumatera), untuk meraikan satu perayaan yang berkaitan dengan padi akan ada pelbagai bentuk dan coraknya. Contohnya bagi masyarakat Kadazan mereka akan mengadakan Pesta Keamatan sebagai tanda terima kasih mereka kepada tuhan mereka iaitu *Kinoingan*. Bagi masyarakat Dayak di Sarawak pula akan mengadakan Gawai Dayak untuk menunjukkan rasa kesyukuran kepada tuhan mereka iaitu *Petara* setelah tamatnya musim menuai. Begitu juga dengan masyarakat Karo di Indonesia yang menjadikan *Kerja Tahun* sebagai satu perayaan untuk meraikan selepas tamatnya proses mengetam padi. Di samping untuk tujuan *kesyukuran*, mereka mengadakan upacara *Kerja Tahun* yang bertujuan untuk merapatkan hubungan kekeluargaan setelah banyak masa digunakan untuk menanam padi. Keadaan ini juga berlaku kepada masyarakat Kadayan, yang menjadikan *Makan Tahun* sebagai upacara untuk menunjukkan cara *kesyukuran* mereka kepada Allah SWT selepas tamatnya proses mengetam padi. Kehidupan masyarakat Kadayan ini masih lagi menitikberatkan cara pertanian tradisional sebab itu unsur-unsur tradisi masih lagi kedapatan. Unsur-unsur tradisi ini, kemudiannya digabungkan dengan doa dan acara yang berbentuk keagamaan (Islam). Dalam pada itu, peranan *bomoh* dan orang-orang agama seperti ustaz, pak imam dan pak haji amat penting dalam ritual *Makan Tahun*. Untuk menyempurnakan majlis ini, *bomoh* akan bersama-sama dengan ustaz atau pak imam atau tuan haji untuk menyempurnakan majlis yang diadakan selama empat hari dan tiga malam. Malah antara *bomoh* dengan orang-orang agama ini mempunyai peranan masing-masing.

Secara keseluruhan pelaksanaan ritual adalah untuk tujuan *kebersamaan*. Berdasarkan penyelidikan ini didapati konsep *kebersamaan* itu berdasarkan rasa keinginan untuk dilindungi dari tuhan di samping untuk mensyukuri pemberian Nya. Dalam analisis penyelidikan ini, ia akan digabungkan dengan dapatan yang diperoleh oleh Turner (1957), untuk tujuan penyelesaian krisis kehidupan yang akhirnya menuju kepada maksud *kebersamaan* dalam pelaksanaan ritual *Makan Tahun*. Selain itu, unsur ketuhanan yang diselitkan adalah berdasarkan anutan agama Islam disebabkan masyarakat Kadayan merupakan masyarakat yang beragama Islam. Perbezaan yang dilihat hanya pada dua puak yang berlainan iaitu, Turner mengkaji dalam masyarakat animisme manakala kajian ini pula berpegang kepada kaum yang berpegang kepada agama Islam. Namun begitu, unsur tradisi masih terdapat dalam penyelidikan

ini, terutamanya apabila pelaksanaan satu-satu upacara itu diketuai oleh *bomoh* dan diselang seli dengan peranan yang dimainkan oleh ustaz terutamanya apabila memerlukan bacaan doa dan sebagainya. Berdasarkan penyelidikan ini, analisis penyelidikan dapat ditunjukkan berdasarkan gambar rajah di bawah berdasarkan Model Ritual Simbol Kesucian (MRSK).



RAJAH 1 Model Ritual Simbol Kesucian (MRSK)

Dalam penyelidikan ini, proses kitaran kehidupan masyarakat Kadayan adalah berkaitan dengan kehidupan budaya padi sehingga ke proses mengadakan ritual *Makan Tahun* seperti yang digambarkan berdasarkan gambar rajah di atas. Berdasarkan rajah tersebut, peranan *bomoh* dan ustaz atau ahli agama sangat berkait rapat. Mereka saling membantu terutama apabila merujuk kepada proses untuk memohon dilindungi daripada Allah SWT. Keadaan ini bertujuan untuk melindungi mereka dari diganggu oleh anasir-anasir yang tidak diinginkan. Proses dimulakan apabila *bomoh* memulakan upacara pembersihan kawasan

pertanian yang baru. Hal ini disebabkan kepakarannya dalam menyelesaikan pemindahan makhluk-makhluk ghaib supaya kerja-kerja yang dilakukan oleh petani tidak diganggu oleh makhluk tersebut. Bagi ustaz atau ahli agama pula, mereka akan memohon kepada Allah SWT supaya mereka dilindungi daripada pelbagai masalah pertanian serta diberikan hasil yang banyak pada tahun berikutnya. Malah berdasarkan kepada rajah tersebut segala yang diutamakan oleh mereka adalah semuanya merujuk atau menuju kepada ketuhanan iaitu Allah SWT. Unsur-unsur alam seperti kuasa ghaib akan diselesaikan oleh *bomoh* manakala yang berkaitan dengan ajaran agama Islam akan dilakukan oleh ustaz atau ahli-ahli agama.

Namun, dalam kehidupan masyarakat Kadayan, unsur-unsur tradisi masih kedapatan walaupun mereka beragama Islam. Segala perlakuan yang dibuat bertujuan untuk menyelesaikan permasalahan harian terutamanya yang berkaitan dengan penanaman padi. Apabila proses menuai padi dijalankan *bomoh* akan mengadakan upacara untuk memohon kebenaran untuk menuai padi. Proses kedua ini, akan dimulakan oleh *bomoh* terlebih dahulu dalam memohon kepada *semangat padi* supaya ia dipelihara dan dijaga untuk tidak lari dan sebagainya. Bagi ustaz pula, mereka akan memohon doa daripada tuhan supaya mereka dilindungi semasa melakukan pekerjaan menuai padi. Malah terdapatnya proses sinkretisme yang telah dipersetujui oleh kedua-dua medium tersebut dengan mengetepikan pandangan masing-masing yang berlandaskan kepada *kesucian* untuk menjadikan ritual itu diterima oleh Allah SWT.

Selepas selesai proses menuai padi, mereka (*bomoh* dan ustaz) akan sama-sama mengadakan kenduri *kesyukuran* iaitu ritual *Makan Tahun*. Proses seterusnya ialah *bomoh* dan ustaz dan orang-orang agama akan mengadakan persediaan untuk membuat persiapan ritual *Makan Tahun*. Tugas *bomoh* akan selesai apabila ustaz dan orang-orang agama akan memulakan proses memohon doa daripada Allah SWT selepas menunaikan solat Isyak iaitu sewaktu mengadakan *Ratib Saman* sehinggalah pada upacara doa selamat. Selepas segala doa selamat dan sebagainya pada hari Ahad, *bomoh* dan ustaz akan mengadakan upacara masing-masing terutama dalam memohon kepada Allah dan makhluk ghaib supaya mereka sentiasa dilindungi. Walaupun menampakkan bahawa ada dua perkara yang dipercayai oleh masyarakat Kadayan, namun di peringkat akhirnya mereka akan menuju kepada Allah SWT yang berteraskan kepada *kesucian* melalui proses sinkretisme. Hal ini menunjukkan bahawa segala yang dilakukan oleh *bomoh* dan ustaz dalam

proses kitaran padi masyarakat Kadayan sangat berkait rapat dan antara kedua-duanya adalah saling memerlukan untuk memastikan kesejahteraan dan penyelesaian masalah yang dihadapi oleh masyarakatnya.

Budaya itu adalah lanjutan daripada agama yang memberi gambaran bahawa agama Islam itu adalah agama langit dan berdasarkan kepada pemikiran kebudayaan pula, kebudayaan Islam merupakan lanjutan dari agama. Sebab itu, dalam budaya Kadayan, unsur Islam sentiasa menjadi alat penentu untuk memastikan bahawa setiap upacara yang dilakukan dapat *diperkenan* oleh-Nya ataupun tidak. Namun dalam menerima setiap perlakuan itu mempunyai tokoh tambah berdasarkan penerimaan *bomoh* dari generasi sebelumnya. Dengan adanya agama Islam, *bomoh* akan saling bekerjasama dengan kumpulan agama demi untuk memastikan segala apa yang dirancang oleh mereka adalah untuk kebaikan masyarakat Kadayan.

Simbol Animisme (Tradisi) dalam *Makan Tahun*

Orang yang mempersembahkan barang persembahan dan perbuatan upacara amal kepada kuasa ghaib adalah orang yang mempercayai bahawa kuasa seperti itu ada dan wujud di samping makhluk lain. Pengaruh seperti ini merupakan perkara yang baik mengikut pandangan mereka kerana ia adalah semangat dan juga perangsang untuk melakukan perbuatan yang dianggap baik. Setiap upacara yang dibuat mestilah mempunyai aturannya supaya ia dapat diterima oleh kuasa-kuasa supernatural ini. Bagi masyarakat Kadayan di Sarawak, mereka juga tidak ketinggalan daripada memiliki kepercayaan animisme atau tradisi terutamanya dalam kehidupan sebagai kaum petani. Unsur-unsur tersebut yang terdapat dalam kalangan kehidupan mereka disebabkan keperluan harian yang masih mempercayai akan kuasa-kuasa yang dimiliki oleh unsur-unsur ghaib seperti roh, semangat, penunggu dan sebagainya. Mereka percaya sekiranya unsur-unsur ini tidak dinaturalisasikan ia akan mengakibatkan sesuatu perkara yang tidak diinginkan akan berlaku kepada masyarakat Kadayan sehingga menjejaskan hasil pengeluaran padi. Tidak hairanlah ada pernyataan orang-orang tua Kadayan menyatakan hasil padi yang banyak disebabkan *perkenan mereka*.

Kelupis

Dalam kehidupan tradisi masyarakat Kadayan, *kelupis* mempunyai pengertian sendiri. *Kelupis* diibaratkan sebagai *ibu kepada segala*

makanan dalam kalangan pelaksanaan ritual *Makan Tahun*. Bagi Encik Sawal Bin Mawang, ritual ini tidak akan diadakan sekiranya kerja-kerja membuat *kelupis* tidak dibuat. Ini disebabkan masyarakat Kadayan merupakan masyarakat yang rajin untuk mencari pekerjaan terutamanya dalam bidang pertanian. Telah menjadi kebiasaan sekiranya hendak mencari kawasan pertanian yang baru dan subur perlu mengembara dan makanan yang dijadikan sebagai pengalas perut adalah *kelupis*. Hal ini disebabkan *kelupis* boleh tahan sehingga sebulan. Selain itu, berdasarkan kepada generasi terdahulu, sebelum memulakan kerja-kerja bercucuk tanam, *kelupis* ini akan dijadikan sebagai pra syarat untuk dijamu kepada makhluk-makhluk ghaib. Dipercayai makhluk ghaib yang ada di sekeliling manusia walaupun tidak dapat dilihat dengan mata kasar akan makan *kelupis* tersebut. Sebagai balasan kepada manusia, mereka akan membantu dalam segala hal sama ada menyelamatkan tanaman padi atau diganggu oleh makhluk ghaib.

Semasa membuat *kelupis* pula ia mempunyai pelbagai pantang larang. Pantang larang yang paling utama ialah tidak dibenarkan perempuan membuatnya kerana ia akan menyebabkan *kelupis* menjadi kemerahan, basi, tidak masak dan sebagainya. Keadaan itu disebabkan perempuan kadang kala dianggap tidak suci kerana mereka ada kalanya datang haid. Untuk mengelakkan daripada keadaan yang tidak diingini berlaku, maka kaum lelaki akan mengambil alih tugas tersebut membuatnya yang bermula daripada mengukur *piasau* sehingga memasak *dadih*. Apabila telah selesai dimasak barulah kaum perempuan Kadayan boleh membungkusnya tetapi ia perlu mengikut segala pantang larang iaitu perlu mengambil air sembahyang dan perlu menyucikan diri dan terhindar daripada hadas besar.

Dalam pengendalian ritual *Makan Tahun*, *kelupis* ini bukan dijadikan sebagai makanan untuk dijamu kepada tetamu yang hadir tetapi ia adalah sebagai buah tangan kepada para tetamu. Ini disebabkan berdasarkan kehidupan masyarakat Kadayan, apabila memperoleh beras baru, ia akan dikongsi bersama. Dengan adanya *kelupis* yang dibuat daripada beras baru, ia akan dibawa pulang dan akan diberikan kepada keluarga yang tidak dapat hadir di majlis itu. Ini merupakan konsep masyarakat Kadayan yang menginginkan semua hasil mereka terutamanya beras baru dikongsi bersama. Selain itu, ia sebagai sedekah kepada golongan orang-orang miskin yang dipercayai tidak mampu membuat *kelupis* kerana ia memerlukan perbelanjaan besar.

Pulut Kuning *Pakanan Raja*

Pulut Kuning atau dikenali sebagai *Pakanan Raja* merupakan satu jenis makanan yang sentiasa disediakan oleh masyarakat Kadayan semasa mengadakan ritual ini. Bagi mereka, ritual ini tidak akan sempurna tanpa *Pakanan Raja*. Pada masa dahulu *Pakanan Raja* merupakan satu bentuk hidangan yang dikhaskan kepada golongan keluarga di raja sahaja. Malah sewaktu menyediakannya, hanya orang-orang tertentu yang boleh membuatnya. Sebab itu, dalam majlis ini, *Pakanan Raja* akan disediakan oleh sekumpulan orang tua yang biasanya sudah putus haid. Ini disebabkan dalam menyediakan *Pakanan Raja* mereka tidak boleh dalam keadaan kotor. Mereka ini akan menyediakan *Pakanan Raja* mengikut aturan. Bagi mereka, sesuatu yang dikhaskan untuk raja perlu dibuat dengan tertib. Perlu mengikut aturan dan setiap kali membuat *Pakanan Raja* mereka hendaklah mengambil air sembahyang terlebih dahulu sebagai tanda menyucikan diri. Hal ini disebabkan pada zaman dahulu, orang-orang Kadayan selalu *mencuba ilmu* mereka sewaktu majlis ini diadakan kerana pada masa ini orang-orang yang mempunyai *ilmu* akan mencuba untuk menewaskan satu sama lain. Jadi untuk memastikan perkara yang tidak diinginkan berlaku, seseorang itu perlu bersih dari segala *kotoran*. Sekiranya seseorang itu dalam keadaan kotor, maka mudahlah makhluk-makhluk jahat dapat menewaskan mereka. Bagi yang bersih pula akan menggunakan ayat-ayat Al-Quran sambil menggabungkan mantera untuk melawan *ilmu* jahat tersebut.

Pada zaman dahulu, *Pakanan Raja* yang disediakan untuk keperluan raja, sebab itu ada dalam kalangan mereka sanggup bergadai nyawa melawan perbuatan orang-orang yang berilmu demi memastikan *Pakanan Raja* dapat dibuat dan dihidangkan pada raja. Tapi pada zaman sekarang *Pakanan Raja* masih lagi dibuat walaupun bukan untuk raja tetapi ia disediakan kepada tetamu yang datang. Bagi mereka tetamu yang datang diibaratkan sebagai kaum kerabat raja, yang akan dijamu dengan *Pakanan Raja*. Selain itu penyediaan *Pakanan Raja* adalah sebagai simbol untuk menjamu kepada *semangat padi*. *Semangat padi* dipercayai akan datang pada hari berlangsungnya majlis *Makan Tahun*. Di samping itu ia adalah untuk menggembirakan *semangat padi* kerana dijamu dengan *Pakanan Raja*. Ini bagi menjamin *semangat padi* akan membantu menghasilkan padi yang banyak pada tahun akan datang. Segala pantang larang membuat *Pakanan Raja* perlu diikuti. Ini supaya *semangat padi* yang akan dijamu dengan *Pakanan Raja* itu akan menerimanya dengan senang. Sekiranya ada perbuatan yang tidak betul atau melanggar pantang pembuatannya, ia akan menyebabkan *semangat*

padi marah dan akan menyebabkan banyak masalah akan berlaku yang akhirnya menyebabkan hasil padi tidak menjadi.

Kayu gharu

Semasa mengadakan majlis ini, peranan *kayu gharu* mempunyai unsur simbolik yang tersendiri. Bagi masyarakat Kadayan, *kayu gharu* bukan sahaja untuk digunakan sewaktu majlis tahlil tetapi akan digunakan semasa proses penanaman padi. Apabila *kayu gharu* dibakar, asap yang dikeluarkan oleh *kayu gharu* mempunyai bau. Bau pada asap *kayu gharu* ini sangat berbeza dengan kayu *somah* yang diletakkan sebagai *penanda*. Asap *kayu gharu* ini biasanya akan memenuhi seluruh ruang kawasan rumah, *durong* dan surau. Ia akan meninggalkan kesan yang agak lama selepas ia dibakar.

Sewaktu proses *pengasapan*, *kayu gharu* akan dibakar dan ditinggalkan di bawah *durong*. Ia bertujuan sebagai *pendinding* kawasan *durong* yang dipenuhi dengan anak benih padi dan padi. Malah asap yang dikeluarkan oleh *kayu gharu* dipercayai akan melekat di seluruh dinding *durong* selepas ia dibakar. Malah bau-bauan *kayu gharu* ini sebagai salah satu bentuk makanan kepada makhluk ghaib ini. Fungsinya bukan itu saja, tetapi ia berfungsi sebagai *pintan* atau *sajen* kepada makhluk ghaib. Masyarakat Kadayan percaya, sekiranya terdapatnya tikus dan sebagainya di *durong*, ia adalah akibat tuan tanah yang tidak memberikan makanan kepada penjaga.

Semasa majlis tahlil dijalankan, *kayu gharu* akan dibakar bagi menunjukkan *kesyukuran* mereka kepada Allah SWT. Hal ini dapat dilihat sewaktu majlis membacakan doa dan sebagainya, para hadirin yang hadir akan sama-sama berdoa dan bertahlil sambil melihat keadaan asap *kayu gharu* itu naik ke atas. Pada saat itu, dipercayai segala apa yang dipohon dan dihajati oleh para petani akan disampaikan melalui kepulan-kepuluan asap sehingga di peringkat yang tertinggi. Di samping itu ada juga dalam kalangan mereka yang turut serta akan menutupkan mata. Keadaan ini dipercayai pada waktu itu, hubungan manusia dan tuhan dalam satu kedudukan yang amat jauh. Untuk mencapai keadaan itu, kekhayusan terhadap menghayati doa serta penghayatan terhadap kekuasaan tuhan akan dirasakan oleh setiap peserta yang turut serta. Asap yang berkepul-kepul itu, dipercayai boleh membantu menyampaikan segala maksud para petani.

Malah sewaktu perjalanan majlis tersebut, terdapat juga peserta atau ahli-ahli yang mengikuti majlis itu menangis syahdu. Keadaan itu, bukan

disebabkan oleh masalah kepenatan dan keletihan, tetapi disebabkan mereka memohon doa daripada Allah SWT supaya roh-roh keluarga mereka yang telah meninggal dunia akan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman di sisi Allah SWT dan memohon supaya bangsa Kadayan dapat diselamatkan daripada masalah seharian.

Pintan atau *Sajen*

Pintan atau *sajen* atau sajian merupakan satu bentuk makanan yang dihaskan kepada penjaga padi, roh, hantu, jembalang dan sebagainya. Dalam kehidupan masyarakat Kadayan, penyediaan *pintan* atau *sajen* ini menyerupai *sadjen* yang dilakukan oleh masyarakat *Abangan* di Majokuto, Indonesia. *Sadjen* merupakan satu bentuk makanan yang dihaskan oleh masyarakat Jawa untuk menjamu segala makhluk-makhluk halus. Ia bertujuan untuk mengelakkan diri daripada diganggu atau disakiti. Pada masyarakat Kadayan pula, unsur *pintan* atau kadang kala disebut *sajen* ini merupakan bentuk yang sama dengan apa yang dikatakan oleh Geertz. Namun yang bezanya adalah jenis barangan yang dijadikan sebagai *pintan* tersebut. Bagi masyarakat Mojokuto mereka akan menyediakan sikat rambut, benang, bunga, kemenyan, buah pinang, tembakau dan sebagainya tetapi bagi masyarakat Kadayan akan meletakkan benda-benda yang mudah diperolehi oleh mereka seperti tembakau, rokok daun, ketupat dan sebagainya.

Berdasarkan kepada kedua-dua keadaan itu, dapat dinyatakan di sini, bahawa *pintan* atau *sajen* yang disediakan mempunyai maksud tersendiri. Ini disebabkan penyediaan *pintan* adalah untuk jamuan kepada makhluk ghaib yang dipercayai akan menjaga atau membantu kepada mereka. Malah bagi masyarakat Kadayan, *pintan* ini bukan sahaja untuk makhluk ghaib tetapi ia disediakan pada setiap malam Jumaat untuk diberikan kepada roh-roh keluarga yang telah meninggal. Semasa majlis ini dijalankan, *pintan* akan diletakkan di sebuah bilik dalam kalangan balai raya. Ia bertujuan untuk menjamu roh-roh keluarga yang meninggal dan dipercayai pada sebelah malam sepanjang tempoh majlis itu diadakan, roh-roh keluarga akan balik dan akan menikmati *pintan* tersebut. Kebiasaannya *pintan* itu mengandungi pisang, kapur, sirih, pinang, air minuman, nasi putih dan lauk-pauk. Pada setiap hari sepanjang majlis itu, *pintan* akan diganti bagi menghormati roh-roh tersebut.

Menjunjung *Induk Padi*

Realiti dalam pemikiran manusia sentiasa menganggap bahawa untuk menghasilkan sesuatu yang baik perlu mempunyai baka yang baik. Pada pemikiran mereka, baka adalah perkara yang diutamakan. Begitu juga dalam masyarakat Kadayan, untuk membentuk atau menjadikan masyarakat Kadayan itu serba *sempurna* mereka perlu dimulakan dari permulaan pembentukan mereka sebagai manusia yang makan makanan yang baik dan suci. Sebab itu mereka menekankan supaya *induk padi* perlu dijaga dengan sempurna.

Semasa majlis doa selamat dijalankan di masjid, *induk padi* akan dibawa oleh *anak dara* yang diletakkan dalam kalangan *tengkiding*. Di atas permukaan *tengkiding* itu akan ditutup dengan menggunakan kain putih atau kain kuning. Kain putih atau kain kuning yang diletakkan sebagai menandakan *kesucian* yang ada pada *induk padi* tersebut. Penggunaan kain kuning adalah untuk melambangkan *induk padi* itu adalah dari golongan yang tertinggi martabatnya dan kain putih pula melambangkan *induk padi* itu merupakan suatu benda yang suci. Malah setiap gerak dan langkah semasa *anak dara* membawa *tengkiding* yang berisi dengan *induk padi* akan diikuti dengan perasaan yang inginkan hasil yang banyak. Selain itu, setiap perlakuan yang melibatkan *induk padi* akan dilakukan dengan penuh ketertiban supaya semangat yang ada pada *induk padi* akan sentiasa terpelihara dan segar berada dalam kalangan benih padi.

Sekiranya *induk padi* tidak dijaga dengan baik, maka semangatnya akan hilang. Malah apabila musim mengetam padi, hasil yang diperolehi akan berkurangan. Apabila keadaan ini berlaku, masyarakat Kadayan tidak dapat memiliki padi sendiri dan akhirnya mereka terpaksa mencari wang untuk mendapatkan beras lain. Bagi mereka bila keadaan ini berlaku, ia adalah petanda bahawa kehidupan masyarakat Kadayan termakan sumpahan semangat tersebut. Sebab itu, mereka percaya sekiranya *induk padi* dijaga dengan baik dengan melakukan pelbagai bentuk upacara dan sebagainya, ia akan dibalas dengan hasil yang banyak dan akan menjamin kehidupan masyarakat Kadayan. Dari hasil tersebut akan menjadikan generasi Kadayan terus hidup dalam keadaan bersyukur kerana memiliki padi yang baik. Keadaan ini yang menjadikan mereka begitu mengambil berat tentang penjagaan semangat yang ada pada *induk padi*.

Menjaga Anak Benih Padi

Benih padi ini diambil sewaktu proses penuaian padi dan telah melalui proses *menjunjung padi* iaitu diambil dari kumpulan padi yang terbaik dan diketuai oleh *bomoh* yang kemudiannya akan dibungkus dengan kain kuning atau putih. Bagi masyarakat Kadayan, anak padi yang diletakkan dalam kalangan bungkusan kain kuning dilambangkan sebagai kedudukan yang paling mulia. Kain kuning diibaratkan sebagai raja, yang mempunyai kedudukan yang tertinggi dalam masyarakat. Selain itu, benih padi ini telah melalui proses *menjunjung padi* iaitu pelbagai proses menjaga semangat, martabat, dilindungi dari pelbagai makhluk ghaib dan telah dibacakan doa.

Selain itu, benih padi yang diikat dengan menggunakan kain putih melambangkan keadaannya yang tinggi dalam masyarakat Kadayan. Malah sekiranya benih padi itu dilangkah, ia akan menyebabkan hasil padi yang akan datang akan berkurangan. Walaupun apabila dilihat dengan menggunakan mata kasar, padi yang diikat dengan menggunakan kain kuning atau putih tidak menandakan apa-apa maksud. Namun bagi masyarakat Kadayan, benih padi ini akan dimakan oleh seluruh masyarakat Kadayan. Dengan keadaan itu, benih padi perlu dijaga dengan pelbagai aturan sehingga orang yang ditugaskan untuk membawa benih padi itu bukan dari orang sembarangan tetapi akan dibawa oleh *anak dara*. Anak benih perlu dijaga dengan baik supaya ia tidak marah, kecewa dan sebagainya kerana sifatnya yang manja.

Selain itu, anak benih yang terdapat dalam kalangan *tengkiding* pula tidak boleh diletakkan di tempat sembarangan. Ia tidak boleh dibaling, disepak, dilangkah dan sebagainya kerana ia dipercayai akan menyakitkan semangat anak benih itu. Keadaan itu, boleh menyebabkan anak benih akan marah, kecewa dan sebagainya dan akhirnya apabila ditanam, hasil yang akan diperoleh akan berkurangan dan dikatakan pada tahun tersebut masyarakat Kadayan menerima *tulah*. Bagi mereka, perkara ini amat ditakuti sehingga apabila ada berlaku perkara yang tidak diingini menyebabkan mereka akan melaksanakan pelbagai upacara untuk menghindari mereka daripada ditimpa musibah.

Selepas selesai mengadakan upacara *menjunjung padi* anak-anak benih itu akan dicampurkan dengan benih-benih padi yang lain. Kebiasaannya mereka akan meletakkannya di balai raya kampung atau di *durong*. Ada dalam kalangan mereka akan meletakkan anak benih itu dalam kalangan *durong* kerana mereka menganggap rumah adalah tempat yang kurang selamat disebabkan terdapatnya kehidupan berkeluarga yang kadang kala ada masa baik dan ada masa bertelagah. Sekiranya ada dalam

kalangan keluarga yang bergaduh, bercerai dan sebagainya, ia dipercayai akan mengganggu semangat anak benih tersebut. Untuk mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku mereka akan meletakkan anak benih itu di tempat selamat seperti di *durong*.

Peranan Bomoh

Kewujudan sesuatu kebudayaan itu sangat dipengaruhi oleh persekitaran kerana alam sekitar yang berbeza akan terdapatnya pelbagai adaptasi yang berbagai-bagai. Bagi keperluan hidup itu, ia memerlukan kepandaian untuk menyesuaikan diri dengan alam. Keadaan ini akan memberikan kesan pelbagai kepada generasi yang seterusnya. Untuk meneruskan perpaduan sosial dalam sesebuah masyarakat itu pula adanya aturan-aturan tertentu yang perlu dipelihara. Sekiranya ia disangkal atau tidak diikuti ia akan menyebabkan satu-satu perkara yang tidak diingini akan berlaku. Dengan pengaruh yang muda mengambil pandangan yang tua, maka wujudnya pelbagai kewujudan di dunia ini. Dengan adanya hukuman supernatural ini ia dianggap sebagai satu sumpahan sekiranya tidak mengikuti aturan-aturan itu.

Dalam kehidupan manusia di alam Melayu terdapat pelbagai kepercayaan tentang wujudnya semangat, roh, penunggu, alam ghaib dan sebagainya. Keadaan ini menyebabkan ada keperluan yang mendesak untuk membuat penyelesaian secara tersirat tentang keperluan di antara manusia dengan kuasa-kuasa yang dianggap sebagai supernatural. Ini disebabkan tidak semua manusia di dunia ini diberikan kuasa atau diberi kelebihan untuk memiliki sebarang ilmu yang berkaitan tentang kuasa-kuasa supernatural. Keadaan ini disebabkan manusia tidak dapat melihat roh, semangat, makhluk ghaib, hantu, jembalang dan sebagainya. Berdasarkan keadaan itu, maka keperluan seseorang yang dikenali sebagai pawang, dukun, bomoh dan sebagainya diharap akan dapat menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan perkara-perkara yang dianggap supernatural itu.

Dalam mengadakan ritual *Makan Tahun* ini, *bomoh* memainkan peranan penting. Ia bukan sahaja sewaktu majlis ini diadakan tetapi peranan *bomoh* merangkumi pada peringkat sewaktu menanam padi sehingga proses pengetaman padi. Ini disebabkan dalam melakukan kerja-kerja yang berkaitan dengan tanah dan dikelilingi oleh kawasan hutan, ia memerlukan banyak bentuk perjanjian. Perjanjian yang dimaksudkan ialah antara makhluk ghaib dengan manusia yang akan membantu manusia untuk menjaga padi daripada diganggu oleh pelbagai

musuh padi. Sebab itu, peranan *bomoh* sangat penting dalam kalangan kehidupan penanam padi tradisional.

Selain itu, sepanjang tempoh pengendalian *Makan Tahun*, *bomoh* memainkan peranan penting terutamanya dalam menyediakan peralatan dan bahan keperluan majlis itu. *bomoh* akan memastikan keadaan kawasan selamat daripada diganggu oleh makhluk ghaib dan musuh Kadayan iaitu mereka yang ingin mencuba *ilmu*. Bagi memastikan keadaan terjamin *bomoh* akan melakukan beberapa upacara tertentu. Di samping itu, setiap bidang tugas yang ada dalam majlis itu akan diperkenankan oleh *bomoh*. Hal ini bagi menjamin perlakuan itu direstui oleh makhluk ghaib dan mengelakkan daripada diganggu oleh pelbagai cubaan.

Dalam kehidupan masyarakat Kadayan walaupun mereka telah mempunyai agama Islam, peranan *bomoh* masih lagi kuat berbaur di jiwa mereka. Ini disebabkan *bomoh* dianggap sebagai manusia yang sempurna dan mempunyai satu kuasa yang lebih tinggi daripada manusia. Dari segi fizikalnya mereka sama tetapi kelebihan mereka ialah dapat berkomunikasi dengan pelbagai makhluk, baik yang jahat atau yang baik. Kesemuanya adalah untuk memastikan masyarakat Kadayan terutamanya yang mengerjakan sawah padi dapat dilindungi daripada pelbagai kecelakaan. Malah perlakuan seperti mantera yang diucapkan adalah sebagai bentuk komunikasi dua hala. Bagi menyempurnakan komunikasi tersebut, *bomoh* akan menggunakan pelbagai kekuatan yang dimiliki baik dari segi luaran atau dalaman. Ini menunjukkan setiap perlakuan yang dilaksanakan oleh *bomoh* akan mempunyai pengertian sendiri. Selain untuk menyelesaikan permasalahan harian yang dihadapi oleh petani, acara ritual yang dijalankan oleh *bomoh* akan menyatukan masyarakat Kadayan dalam satu bumbung. Hal ini menyebabkan peranan *bomoh* terlalu besar dalam kehidupan masyarakat Kadayan.

Simbol Keagamaan dalam *Makan Tahun*

Dari aspek istilah, 'agama' menurut kefahaman masyarakat umum ialah keyakinan kepada Tuhan dan cara menyembah Nya untuk memperoleh keredaan Nya. Menurutny lagi bagi masyarakat primitif, 'agama' ialah tentang upacara-upacara perayaan yang berkaitan dengan ketuhanan, atau peribadatan yang disertakan dengan penyembelihan korban sebagai persembahan. Selain itu, beliau menyatakan bagi para penulis Barat pula mendefinisikan 'agama' sebagai suatu kepercayaan keimanan kepada kewujudan zat ketuhanan yang ghaib, yang maha

tinggi, perkasa, bebas dengan kehendak Nya untuk bertindak, mengatur, dan mengurus alam semesta, dan amat layak diberikan ketaatan dan ibadah. Dapatlah dinyatakan bahawa agama yang dimiliki oleh seseorang individu itu bertujuan untuk menghambakan diri kepada tuhan dengan melakukan aktiviti-aktiviti ibadat yang diarahkan olehnya. Melalui ibadat tersebut, manusia mempercayai bahawa tuhan akan menyayangi mereka sekiranya mengikut setiap arahannya dan untuk mencapai ke tahap yang diinginkan adalah dengan menyucikan diri terlebih dahulu. Sebab itu, dalam melakukan sesuatu ibadat yang berkaitan agama itu perlu dalam keadaan *suci* kerana *kesucian* itu merupakan perkara yang diutamakan.

Peranan utama mengadakan ritual *Makan Tahun* ini adalah untuk menunjukkan *kesyukuran* kepada Allah SWT atau Ketuhanan. Dengan kata lain, unsur ketuhanan ini adalah merujuk kepada Allah SWT. Hal ini disebabkan masyarakat Kadayan menganut agama Islam dan segala peraturan tentang ajaran Islam adalah dilaksanakan dalam kehidupan seharian. Teras utama persoalan kosmologi ini tertumpu pada tiga persoalan pokok iaitu, Tuhan, alam dan Manusia. Ketiga-tiga teras ini tidak dapat dipisahkan antara satu sama lain kerana setiap persoalan alam dan manusia tidak terlepas kaitan dan siratannya dengan ketuhanan. Selain itu, pandangan semester tidak terlepas dalam melihat dunia nyata dan dunia ghaib. Ini menunjukkan bahawa setiap perlakuan manusia itu bukan sahaja dapat dinyatakan secara lahiriah tetapi setiap yang diutarakan itu mempunyai pengertian yang tersirat. Malah setiap perlakuan yang tersirat itu sering dibuat semasa melaksanakan satu-satu ritual oleh sesebuah masyarakat. Bentuk-bentuk ritual itu yang memperlihatkan adanya unsur-unsur simboliknya.

Dari aspek keagamaan itu pula, ia mempunyai simbol-simbolnya yang tersendiri sehingga mendatangkan kepada ekspresi nyata yang akan difahami oleh masyarakatnya walaupun tanpa penyataan lahiriah. Dalam penyelidikan ini pula ia melihat terdapatnya pengaruh agama yang telah dimiliki oleh masyarakat Kadayan iaitu agama Islam. Setiap bentuk kepercayaan tradisi telah diadun menjadi kepada bentuk baru dengan menggabungkan unsur-unsur agama. Kepercayaan itu kemudiannya berubah berdasarkan proses pembaharuan yang disebabkan pengaruh peradaban baru selepas melalui proses sinkretisme oleh *bomoh* dan ustaz. Kepercayaan yang telah diterima itu kemudiannya mendapat persetujuan masyarakat setempat yang telah berubah dari bentuk terdahulu. Kesemua unsur yang terdapat dalam kalangannya telah berubah dengan persetujuan semua masyarakatnya seterusnya diamalkan. Keadaan itu telah meleraikan satu situasi yang tegang yang sebelum ini sering dikatakan

khurafat atau sebagainya. Namun disebabkan penekanan kepada prinsip kebersamaan, *kesucian* dan untuk tujuan kesyukuran di samping menghindari daripada pelbagai masalah dan krisis ia telah menjadikan sesuatu bentuk ritual itu telah diterima tanpa mengetahui salah atau tidak. Hal ini telah menjadikan sesuatu ritual terutamanya dalam kalangan ritual *Makan Tahun* ini masih dijalankan oleh masyarakat Kadayan. Dengan adanya proses keagamaan ini ia merupakan proses penyucian tradisi seperti yang terdapat dalam masyarakat Kadayan. Hasil penyelidikan ini, melihat fungsi agama dalam kalangan masyarakat adalah sebagai satu proses untuk melestarikan masyarakat dengan adanya pantang larang yang dipersetujui oleh anggota masyarakatnya.

Selain itu, setiap pengikut yang berpegang kepada agama, mereka akan sentiasa merasakan sesuatu itu indah dan tenang. Bagi mereka yang dapat berinteraksi dengan Tuhan pula akan merasakan diri mereka sentiasa kuat malah ada yang merasakan lebih kuat daripada sebelumnya kerana telah diberi tenaga dalam mengharungi kehidupan ini. Namun begitu, konsep keagamaan ini tidak dapat digambarkan secara konkrit walaupun manusia percaya dengan adanya konsep dan pemahaman beragama itu, dengan percaya adanya Tuhan.

Unsur Ketuhanan

Dalam pelaksanaan ritual *Makan Tahun* ini, konsep Tuhan yang dirujuk ialah berdasarkan kepada Allah SWT. Masyarakat Kadayan percaya dengan adanya pelaksanaan ritual ini, segala yang dipohon atau diminta. Bagi mereka tiada kuasa lain yang dapat memberi pertolongan tersebut. Walaupun begitu dalam masa yang sama mereka ini masih lagi percaya adanya kuasa lain selain manusia. Secara fitrah atau semula jadi, kehidupan manusia penuh dengan proses interaksi iaitu manusia berinteraksi sesama manusia, manusia berinteraksi dengan alam dan seluruh fenomena alam, khususnya alam nyata, manusia berinteraksi dengan yang ghaib (alam ghaib/ alam isu supernatural). Daripada alam ghaib ini manusia mengenali adanya Tuhan atau apa-apa sahaja yang diyakini sebagai Tuhan. Sebagai makhluk Tuhan, manusia berinteraksi dengan Tuhan melalui komunikasi dan interaksi yang spiritualistik atau batiniah sifatnya. Manusia mencipta ungkapan yang sakral dan mewujudkan suasana penuh kesakralan untuk berkomunikasi dengan tuhan. Ini disebabkan walaupun kewujudan itu tidak dapat digambarkan melalui bagaimana cara keadaan tuhan itu, namun *kesyukuran* kepada tuhan ditunjukkan melalui pelbagai cara. Dalam kehidupan masyarakat

Kadayan unsur tuhan dilihat sewaktu mereka melakukannya *Ratib Saman, doa, tahlilan, zikir* dan sembahyang. Kesemua perlakuan adalah untuk menunjukkan *kesyukuran* mereka di samping menadah tangan untuk memohon doa supaya mereka dilindungi daripada pelbagai masalah.

Dalam alam Melayu, untuk membicarakan tentang unsur ketuhanan ini, ia mestilah tertumpu pada Allah kerana orang Melayu secara totalnya adalah beragama Islam. Begitu juga dengan masyarakat Kadayan, mereka ini adalah dari rumpun Melayu yang secara realitinya adalah berakarkan puak Melayu Brunei. Disebabkan dalam faktor peruntukan kepada masyarakat Melayu di Sarawak sangat berbeza, masyarakat Kadayan ini tergolong dalam kumpulan Bumiputera lain-lain. Namun ia tidak menjejaskan ketentuan agama mereka iaitu beragama Islam. Mereka ini masih lagi berpegang kepada kalimah *La illaha illa Allah* (لا إله إلا الله) itu bermaksud *Tiada Tuhan Selain Allah*, meskipun antara mereka masih ada lagi yang agak jahil tentang agama. Namun Allah SWT bagi masyarakat Kadayan adalah tuhan segala perkara yang wujud di dunia ini. Sebab itu walaupun perlakuan yang berkaitan ritual, ia akan dimulai dengan mengucapkan *Bismillahi Rahmanir Rahim* (بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ) yang bermaksud *Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Mengasihani*.

Ratib Saman

Dalam mengadakan *Ratib Saman* perkara yang perlu ada ialah seorang ahli yang dipanggil *khalifah* atau dari segi bahasanya dikenali sebagai pemimpin. *Khalifah* ini biasanya dilantik oleh guru agama atau mereka yang mempunyai pemahaman yang tinggi mengenai agama dan hukum-hukumnya. Selain itu, *khalifah* ini mestilah mempunyai dua ciri utama dalam kalangan ratib iaitu kemahiran dari segi nasyid, bacaan puisi dan mestilah memiliki suara yang lantang dan merdu. Pada kebiasaannya kedudukan *khalifah* adalah di tengah-tengah lingkaran kumpulan ratib. Ini bagi memudahkan *khalifah* berfungsi sebagai orang yang membetulkan kesilapan sama ada dalam sebutan atau pun lagu. Selain itu, *khalifah* juga berfungsi sebagai memberi isyarat pertukaran sesuatu lagu serta memberikan arahan kepada ahli untuk membawakan nasyid dan kalimah.

Semasa melakukan ratib ini, kekhusyukan dapat dilihat semasa kumpulan yang melakukan ratib itu duduk dengan penuh ketekunan sehingga tidak mahu mengetahui apa yang berlaku di sekelilingnya. Pada

masa ini, suara yang didengar hanya suara *khalifah* yang kebiasaannya terdiri daripada ustaz, pak imam atau pak haji yang dijadikan sebagai ketua kumpulan yang mempunyai martabat yang tinggi. Dalam melakukan ratib ini, ia mempunyai peraturan yang tersendiri. Peraturan itu mestilah diikuti supaya tiada kecelakaan yang akan berlaku. Dipercayai sekiranya ratib dilakukan dengan tidak betul atau dibuat secara sembarangan ia akan membawa kepada kecelakaan kepada pelakunya. Pada peringkat awal, semua hadirin yang terlibat akan duduk secara bersila dengan kedudukan lutut akan bertemu antara seorang individu dengan individu yang lain atau duduk *bertimpuh*. Bagi mereka keadaan tersebut adalah bagi menjelaskan tentang kesatuan yang perlu dipupuk dalam memohon keberkatan.

Peringkat seterusnya *khalifah* akan memulakan dengan membaca surah *Al-Fatihah* dan seterusnya membaca *selawat ke atas nabi* secara beramai-ramai. Selepas itu, acara diteruskan dengan kalimah '*La illaha illa Allah*' dan '*Allah*' yang kesemuanya memuji nama Allah. Semasa melafazkan kalimah tersebut, para peserta akan mengerakkan badan yang dimulakan dari sebelah kanan dan kemudiannya di sebelah kiri mengikut alunan lagu dalam ratib tersebut. Setiap kalimah yang dikaitkan dengan nama Allah akan disebut sekuat-kuatnya yang melambangkan ketakwaan mereka hanya kepada Allah. Hanya Allah sebagai tuhan untuk mereka sembah dan meminta. Kalimah-kalimah Allah akan disebut beberapa kali di sepanjang perjalanan ratib itu. Bagi yang mula-mula menceburi dalam bidang ini, mereka merasakan seperti tiada apa-apa yang berlaku, tetapi secara keseluruhannya semua peserta yang mengikuti ratib ini akan merasakan diri mereka terlalu dekat dengan Allah sehingga perkara yang difikirkan hanya Allah semata-mata. Kebiasaannya pada tahap pertama ini, mereka akan beratib sebanyak tiga fasa iaitu fasa pertama hingga fasa ketiga.

Peringkat seterusnya ialah semua peratib akan berdiri dengan melakukan dua gerakan iaitu gerakan pertama dengan mengayunkan hujung jari ke hadapan dengan memulakan kaki kanan. Pada waktu ini kalimah *La illaha illa Allah* masih dilagukan dan diselang-seli dengan rangkaian puisi pada fasa empat hingga fasa sepuluh. Pada waktu ini peratib akan bergerak secara perlahan-lahan dalam satu bulatan. Setiap gerakan itu akan mengikuti alunan rentak pada kalimah dan nasyid yang dibawakan sehingga habis pada fasa sepuluh.

Semasa melakukan gerakan itu, mereka akan menumpukan sepenuh pada gerakan dan ayunan tubuh dan kaki. Setiap gerakan yang dilakukan adalah berdasarkan kepada pengabdian mereka kepada Allah

SWT. Pada masa ini, jasad peratib adalah bukan dalam keadaan sebenar kerana ruang lingkup mereka keseluruhannya diserahkan kepada Allah sahaja. Sebab itu, apabila terlalu kusuk dan terlalu berasa keinsafan ada dalam kalangan peratib yang pengsan dan tidak sedarkan diri. Ini bukan disebabkan kerasukan tetapi disebabkan tahap yang dimiliki oleh seseorang itu mempunyai tahap maksimum. Contohnya kepada pelaku yang mengikuti *Ratib Saman* mereka akan melagukan *zikir* tersebut secara bersambung-sambung sehingga ada yang mengeluarkan suara pada tahap yang paling tinggi.

Kekuatan *zikir* itu untuk menunjukkan bahawa apa yang dihajati adalah untuk dilindungi dan dihindari daripada pelbagai masalah. Malah kalimah Allah menjadi kekuatan kepada setiap peserta yang merasakan diri mereka terlalu kerdil. Hal ini menyebabkan setiap ahli yang terlibat akan cuba membuat atau melaungkan *zikir* tersebut sekuat yang mungkin. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan semasa masyarakat Kadayan melakukan *Ratib Saman* ini, setiap peserta berlumba-lumba seperti untuk mencapai suara yang tertinggi. Sambil mengeluarkan suara yang kuat peserta akan hentakan kaki sambil berjalan mengelilingi bulatan. Hentakan kaki yang dilakukan adalah berlandaskan kepada ulas-ulas *zikir* yang dikeluarkan. Setiap hentakan itu menunjukkan bahawa apa yang dilakukan perlu dalam satu hati. Hal ini bagi menjamin keseragaman dan memastikan tiada satu hentakan yang dianggap sumbang. Dipercayai apabila terdapatnya sumbang dalam bentuk hentakan itu, ia mencerminkan ada yang dianggap tidak *suci* dan sebagainya. Secara keseluruhannya setiap ulas-ulas *zikir* yang dilafazkan itu mempunyai makna tersendiri iaitu memuja kebesaran Allah SWT. Sebab itu, sebelum seseorang yang ingin melibatkan diri dalam beratib ini perlu memiliki kekuatan fizikal dan mental. Bukan sahaja kekuatan dari segi fizikal, malah kekuatan *rohaniah* amat diperlukan.

Dalam penyelidikan ini, kebanyakan yang terlibat dalam *Ratib Saman* adalah penduduk-penduduk di Kampung Selanyau sendiri. Mereka terdiri daripada kumpulan ahli agama (imam, ustaz dan kumpulan *ahli surau*), tuan tanah, golongan petani, dan para *pekerja*. Walaupun mereka ini daripada kategori atau kumpulan yang berbeza berdasarkan status sosial namun semasa melakukan acara ini, mereka tidak melakukannya secara berasingan. Mereka membuat secara berkumpulan tanpa mengira kedudukan masing-masing.

Solat Dhuha dan Solat Hajat

Solat Dhuha dan Solat Hajat yang dibuat sewaktu majlis ini adalah untuk memohon doa daripada Allah SWT supaya mereka diberikan apa yang dipohon. Pada setiap tahun, selepas semua hadirin dalam keadaan bersih, suci dan bersedia, mereka akan melakukan solat Dhuha sebanyak dua rakaat. Solat Dhuha yang dibuat akan diketuai oleh seorang imam yang biasanya akan diketuai oleh seorang ustaz. Selepas selesai mengerjakan solat Dhuha ini, imam akan membacakan doa seperti di bawah:

Ya Allah, sesungguhnya waktu Dhuha itu Dhuha-Mu, Kecantikannya adalah kecantikan-Mu, Keindahan itu keindahan-Mu, Kekuatan itu kekuatan-Mu, Kekuasaan itu Kekuasaan-Mu dan Perlindungan itu perlindungan-Mu. Ya Allah, jika rezekiku masih di langit, turunkanlah, dan jika dalam kalangan bumi, keluarkanlah, jika sukar, permudahkanlah, jika haram, sucikanlah dan jika jauh, dekatkanlah. Berkat waktu Dhuha, kecantikan, keindahan, kekuatan, kekuasaan-Mu, limpahkan kepadaku segala yang Engkau telah limpahkan kepada hamba-hamba-Mu yang soleh.

Setiap bait ayat yang dibacakan itu adalah untuk memohon keberkatan supaya tangan yang ditadah itu dikhususkan kepada Allah SWT. Malah setiap kali bacaan doa menampakkan para jemaah berada dalam keadaan antara dua dunia iaitu dunia nyata dan awangan. Keadaan ini sememangnya memerlukan kekuatan kepada apa yang dipohon. Sebagai umat Islam, segala yang dipohon perlu diutarakan dengan kerelaan. Selepas selesai bacaan doa ini, solat hajat akan dimulakan. Ia hampir sama dengan perlakuan dalam solat Sunat, cuma yang membezakan ialah pada rakaat yang pertama selepas bacaan surah *Al-Fatihah* akan diikuti dengan bacaan surah *Al-Kafirun* sebanyak sekali dan pada rakaat yang kedua selepas dibacakan surah *Al-Fatihah* akan dibacakan Surah *Al-Ikhlâs*. Selepas selesai memberi salam, para jemaah akan memulai doa dengan lafaz memuji Allah SWT dan berselawat kepada Nabi SAW. Setelah itu, para jemaah akan memohon hajat kepada Allah SWT mengikut keinginan masing-masing seperti memohon keberkatan, kejayaan kaum Kadayan, dimurahkan rezeki, dilimpahi rezeki yang banyak, dijauhi daripada penyakit dan sebagainya. Kesemuanya adalah untuk memohon daripada Allah SWT.

Bacaan Surah Yasin, Doa Selamat dan Bersedekah

Selepas semuanya selesai mengerjakan solat, para jemaah akan memulakan bacaan Surah *Yasin*. Surah *Yasin* mengandungi 83 ayat dan

dalam kalangan Al-Quran, surah *Yasin* boleh didapati pada surah ke-36. Surah *Yasin* ini di namakan *Yasin* kerana ia dimulai dengan huruf ‘Ya’ (ي) dan ‘Sin’ (س). Surah ini diturunkan oleh Allah SWT Menurut riwayat yang dikeluarkan oleh Al-Tarmizi, Abu Hurairah RA telah menyatakan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda:

Bahawa sesungguhnya bagi tiap-tiap itu ada hatinya. Hati Al-Quran ialah Surah *Yasin*. Sesungguhnya aku berasa amat sukacita jika surah ini berada dalam kalangan hati setiap umatku.

Selain itu, Surah *Yasin* itu merupakan ‘hati bagi Al-Quran’ kerana di sebalik membacanya mereka akan diberikan pahala seumpama mereka membaca seluruh Al-Quran sebanyak sepuluh kali:

Bacalah Surah *Yasin* untuk kalangan kamu yang meninggal dunia (agar dengan berkatnya mereka dicucuri rahmat oleh Allah).

Surah *Yasin* juga dijadikan sebagai memohon untuk mengampunkan segala dosa-dosa lampau daripada Allah SWT sebab itu, dalam budaya Melayu, amalan bacaan Surah *Yasin* ini dijadikan sebagai rutin dalam mengadakan kenduri arwah. Ini disebabkan kenduri arwah merupakan majlis untuk mendoakan arwah si mati supaya berada di sisi Allah di samping memohon mengampunkan dosa-dosa mereka daripada Allah SWT.

Semasa mengadakan majlis ini, ia bukan sahaja bertujuan untuk memohon doa atau tujuan memohon keampunan tetapi ia adalah untuk tujuan bersedekah seperti yang terdapat dalam ayat di bawah:

Dan mereka memberikan makanan yang disukainya kepada orang miskin, anak yatim dan orang yang ditahan. Sesungguhnya kami berikan makanan kepada mu hanyalah untuk mengharapkan keredaan Allah, kami tidak menghendaki balasan daripada kamu dan tidak pula mengharapkan (ucapan) terima kasih.

Berdasarkan Surah *Al-Insan* (76:8-9) tersebut, amalan kenduri arwah yang dibuat oleh budaya Melayu sekarang bukan sahaja untuk tujuan memohon doa supaya diampuni daripada dosa-dosa yang lampau tetapi ia sebagai satu usaha untuk bersedekah. Sedekah yang diberikan kepada orang ramai bukan bertujuan untuk bermegah atau menunjuk-nunjuk tetapi sebagai amalan untuk berkongsi segala yang dimiliki baik antara orang miskin atau anak yatim. Dalam kalangan agama Islam sendiri tiada menghalang umatnya untuk memberikan sedekah itu kepada para tahanan seperti apa yang dijelaskan oleh ayat di atas. Ini jelas sekali dalam kalangan majlis *Makan Tahun* ini, hasil padi yang diperoleh itu dikongsi bersama masyarakat setempat dengan mengetepikan pelbagai

masalah yang dihadapi sebelum ini seperti ketegangan antara tuan tanah dengan pekerja. Melalui jamuan yang disediakan ia bagi mengelakkan perkara yang lepas berulang kembali.

Selepas bacaan Surah Yasin selesai, majlis diteruskan dengan majlis bertahlil. Majlis ini dibuat untuk memberikan sedekah doa dan bacaan ayat-ayat Al-Quran kepada para keluarga yang telah meninggal. Ini disebabkan pada kehidupan masyarakat Kadayan yang banyak dihabiskan di tempat penanaman padi, masa untuk melakukan majlis *tahlilan* ini agak sukar. Selain itu, untuk mengumpul kaum keluarga juga bukannya mudah. Sebab itu pada pelaksanaan ritual *Makan Tahun*, majlis *tahlilan* ini dilakukan secara beramai-ramai. Bacaan Surah *Yasin* bukan untuk seorang individu sahaja tetapi ia merangkumi seluruh keluarga yang telah meninggal. Keadaan ini tidak timbul sama ada roh si mati itu daripada keluarga terdekat atau jauh. Kesemuanya adalah untuk diberikan kepada keluarga yang telah meninggal dunia.

Selepas selesai bacaan Surah Yasin dan bertahlil, ustaz akan membacakan doa untuk memohon supaya seluruh masyarakat Kadayan akan diberkati, dilindungi daripada segala masalah. Malah dalam membacakan doa, ustaz tidak akan mewakili dirinya tetapi ia adalah untuk memastikan seluruh masyarakat Kadayan yang masih hidup diberikan kekuatan untuk meneruskan kehidupan dan dijauhi daripada segala permasalahan yang menyebabkan pertelingkahan di antara masyarakat Kadayan.

Selain itu dalam kalangan Al-Quran, surah *Al-Hujurat* ayat 15 menjelaskan bahawa orang-orang yang dianggap sebagai orang yang beriman adalah dalam kalangan mereka yang mempercayai akan wujudnya Allah dan rasulnya. Keratan ayat tersebut adalah seperti yang di bawah:

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah dan Rasul-Nya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

Berdasarkan ayat tersebut, selain mempercayai adanya Allah SWT dan rasul-Nya, mereka yang dianggap sebagai orang-orang yang beriman adalah mereka yang sanggup berkongsi segala hartanya bersama orang-orang yang seagamanya. Ini membuktikan dalam Islam amalan bersedekah dan berkongsi memang perkara yang dituntut. Melalui majlis ini, walaupun tuan tanah di peringkat proses penanaman padi, mereka akan mengarahkan segala pekerjaannya untuk membuat kerja-

kerja seperti menebas, menanam, mengetam dan sebagainya tetapi pada peringkat akhirnya mereka akan bersama-sama meraikan beras baru yang diperoleh bersama-sama. Malah dalam kalangan majlis ini, didapati tidak semua masyarakat Kadayan itu mempunyai pendapatan tetap. Melalui majlis ini ada dalam kalangan mereka berkampung di balai raya yang bertujuan untuk mendapat makanan dan sebagainya. Ini menunjukkan bahawa setiap apa yang ada di majlis itu akan dikongsi bersama. Selain meraikan majlis ini, mereka juga boleh bersedekah kepada keluarga yang memerlukan seperti apa yang dituntut oleh Islam.

Peranan Orang Agama (Ustaz, Pak imam dan Pak Haji)

Ritual yang dijalankan adalah untuk menandakan *kesyukuran* kepada Allah SWT. Bagi memastikan keadaan tersebut berjalan dengan baik terdapat dua penggerak utama dalam kalangan majlis ini iaitu *bomoh* dan orang-orang agama (ustaz, pak imam dan pak haji). Namun begitu walaupun mempunyai perbezaan tetapi peranannya adalah sama iaitu untuk memudahkan tugas ritual dan memastikan ia diterima oleh Allah SWT. Dalam majlis yang melibatkan unsur-unsur keagamaan ia akan diserahkan kepada orang-orang agama. Mereka akan menjadi perantara di antara manusia dengan Allah kerana sifat mereka yang dianggap sebagai golongan orang-orang yang bertakwa kepada Allah SWT. Dalam Al-Quran terdapat banyak ayat-ayat yang telah membicarakan tentang bagaimana kedudukan seorang umat Islam yang dikehendaki oleh Allah. Kedudukan orang-orang itu dapat digambarkan melalui surah *Al-Hujurat* ayat 13:

Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu Dengan Yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang Yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan Yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha mendalam pengetahuannya (akan keadaan dan amalan kamu).

Jelas sekali, bahawa seseorang yang tinggi darjatnya di sisi Allah ialah orang yang bertakwa kepada Nya dan bukannya dari kumpulan yang mempunyai keturunan atau bangsa yang kaya dan sebagainya. Dalam kalangan Islam, perkara yang diutamakan adalah mereka yang sentiasa mengikut perintahnya. Sebab itu, dalam kalangan alam Melayu, orang yang mempunyai pegangan agama yang tinggi dianggap sebagai ahli-ahli agama. Kebiasaannya di kawasan perkampungan mereka

ini dikenali sebagai ustaz, pak imam dan pak haji. Mereka ini akan melakukan pelbagai kehendak masyarakat setempat seperti mengetuai upacara yang berkaitan tentang agama Islam. Malah kedudukan mereka akan diletakkan sebagai orang yang di bahagian hadapan sekali.

Sewaktu menunaikan solat Dhuha dan Hajat mereka akan dijadikan sebagai imam. Tugas mereka bukan hanya di situ sahaja tetapi dalam kalangan perkampungan Kadayan, mereka ini diperlukan sewaktu membaca doa sebelum satu-satu tugas dalam kalangan proses penanaman padi, pengetaman padi, penerimaan beras baru dan sebagainya. Di sini memperlihatkan bahawa tugas orang-orang agama ini adalah sebagai membantu tugas *bomoh*. *bomoh* akan memohon supaya ustaz atau pak imam atau pak haji memulakan doa memohon daripada Allah SWT. Selepas ustaz selesai membacakan doa, tugas yang seterusnya akan diambil alih oleh *bomoh*.

Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku.

Berdasarkan surah *Adz-Dzariyat* ayat 56 di atas, dalam firman Allah SWT telah jelas menjadikan manusia yang diciptakan itu adalah untuk menyembah kepada-Nya. Secara fitrah manusia akan menyembah kepada Allah tetapi tidak semua manusia yang dijadikan oleh itu akan mengikut segala suruhan-Nya mengikut masa dan waktu yang ditetapkan. Keadaan keuzuran, permasalahan dan sebagainya menyebabkan manusia itu dapat dibahagikan kepada beberapa kategori dan akan mewujudkan perbezaan. Jadi peranan ustaz dan kumpulan orang agama ini akan berusaha untuk memohon daripada Allah SWT supaya mereka dijadikan sebagai manusia yang baik di sisi-Nya.

Unsur Kesucian

Semasa pengendalian ritual *Makan Tahun* perkara yang paling diutamakan ialah *kesucian*. Malah dalam Islam sendiri perkara ini adalah yang diutamakan seperti yang terdapat dalam kalangan Surah *Al-Baqarah* ayat 222 iaitu:

...dan mereka bertanya kepadamu (Wahai Muhammad), mengenai (hukum) haid. katakanlah: 'darah haid itu satu benda yang (menjijikkan dan) mendatangkan mudarat' Oleh sebab itu hendaklah kamu menjauhkan diri dari perempuan (jangan bersetubuh Dengan isteri kamu) dalam masa datang darah haid itu, dan janganlah kamu hampiri mereka (untuk bersetubuh) sebelum mereka suci. kemudian apabila mereka sudah bersuci maka datangilah mereka menurut jalan

yang diperintahkan oleh Allah kepada kamu. Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang banyak bertaubat, dan mengasihi orang-orang yang sentiasa menyucikan diri.

Dalam firman Allah SWT yang bermaksud, “sesungguhnya Allah mencipta orang-orang yang bertaubat dan orang-orang yang *bersuci*.” Hal ini menunjukkan bahawa agama Islam telah menjelaskan secara terperinci supaya umat Islam mesti sentiasa *suci*. Dalam ayat tersebut juga telah menjelaskan bahawa keadaan perempuan yang datang haid adalah suatu yang mendatangkan kemudaratan sehingga seorang suami dikehendaki menjauhi daripada melakukan persetubuhan walaupun telah diikat dengan perkahwinan. Ini jelas menampakkan perempuan yang dalam keadaan datang haid dianggap sebagai tidak suci. Namun apabila mereka telah bersuci daripada datang haid itu, mereka adalah antara orang yang disayangi oleh Allah SWT.

Sepanjang perjalanan proses penanaman padi sehingga ritual *Makan Tahun* diadakan, perkara yang menjadi keutamaan adalah *kesucian*. *Kesucian* bukan sahaja sebagai satu peraturan yang utama tetapi ia telah menjadi titik pertemuan kepada *bomoh* dan ustaz dalam pengendalian ritual tersebut yang mewujudkan maksud kebersamaan di antara orang-orang yang masih berpegang kepada tradisi dan agama. Keadaan itu telah menjadikan sumber medium utama telah diselesaikan dengan adanya nilai *kesucian* itu. Malah sekiranya diteliti dengan lebih mendalam nilai *kesucian* ini diwujudkan sewaktu proses menurunkan benih ke tapak semaian, mengetam induk padi, membawa padi semasa proses membaca doa, membuat kuih *pinnya'am*, membuat *kelupis*, membuat *pakanan raja*, menebang umbut dan sebagainya.

Selain itu, nilai *kesucian* itu dapat dijelaskan melalui sesuatu yang bersifat baik, ia mestilah mempunyai *kesucian* di mana setiap perlakuan yang membawa kepada kebaikan mestilah dilakukan dengan telus dan sebagainya. Selain itu perkara-perkara yang kotor itu boleh membawa kepada pencemaran. Pencemaran ini yang akan menyebabkan sesuatu perbuatan baik itu menjadi krisis dalam kalangan sebuah kelompok itu. Dalam kehidupan masyarakat Kadayan ia tidak lari berpegang kepada ajaran agama Islam. Walaupun ada kalanya pengaruh tradisi itu masih kedapatan tetapi untuk tujuan kebaikan, yang mengutamakan nilai atau unsur *kesucian* itu telah menjadikan jurang antara *bomoh* dan ustaz dapat disatukan melalui proses sinkretisme.

Unsur *kesucian* ini begitu penting sehingga setiap perbuatan yang dilakukan mesti mengutamakan kepada keadaan tersebut. Sebab itu, dalam menyediakan *kelupis* yang bermula daripada mengukur *piasau*

sehingga memasak *dadih* tugasnya akan dibuat oleh kaum lelaki. Keadaan itu disebabkan kaum lelaki tiada waktu yang dianggap tidak suci kecuali mereka melakukan *hadass besar* dan mereka ini kurang menghadapi masalah seperti kaum perempuan yang kadang kala mempunyai waktu uzur. Namun bagi kaum lelaki mereka boleh mengambil air sembahyang dan mandi wajib sebagai menyucikan diri daripada *hadass besar*. Sekiranya kaum wanita yang dalam keadaan mereka masih tidak suci, ia akan mempengaruhi kepada keadaan *kelupis* yang akan terhasil. Sehingga ada yang menganggap *kelupis* itu akan basi, berwarna kemerahan yang disebabkan pengaruh keadaan mereka dan sebagainya.

Selain itu, unsur *kesucian* ini diwajibkan apabila *anak dara* atau *perawan* yang memulakan upacara untuk mengambil *induk padi*. Ia merupakan simbol kepada keadaan padi yang dipercayai oleh masyarakat Kadayan sebagai semangat seorang *anak dara* atau *perawan*. Sebab itu, pada proses memulakan pengetaman padi akan dilakukan oleh mereka yang dianggap masih lagi *anak dara* atau *perawan*. Dalam erti budaya masyarakat Kadayan, *anak dara* merupakan mereka yang belum berkahwin, belum lagi melakukan hubungan seks dan dalam lingkungan kurang daripada 25 tahun. Bagi mereka yang sudah mencapai usia di atas 25 tahun ke atas, mereka dianggap tidak lagi dalam himpunan *anak dara* kerana mereka dianggap sebagai *orang lanjut*. Selain itu, peranan mereka juga diperlukan sewaktu upacara membawa atau mengusung benih padi yang telah dibaca doa untuk ditanam pada tahun akan datang.

Nilai *kesucian* dalam perlakuan yang ditunjukkan dalam masyarakat Kadayan ini bukan sahaja dalam lingkungan *anak dara* dan lelaki sahaja terutama semasa mereka membuat kerja-kerja yang berkaitan ritual tetapi ia merangkumi golongan mereka yang terlibat dalam kerja-kerja dalam kalangan pelaksanaan ritual *Makan Tahun*. Keadaan ini dapat dilihat sewaktu mereka membuat persiapan membungkus *kelupis* pada malam hari kedua (Jumaat). Mereka dikehendaki mengambil air sembahyang terlebih dahulu sebagai tanda menyucikan diri di samping memohon doa agar apa yang dilakukan itu untuk tujuan kebaikan. Mereka amat percaya sekiranya keadaan mereka *kotor* ia akan menjejaskan kerja-kerja yang dianggap *suci* kerana *kelupis* yang dibungkus menunjukkan kepada budaya masyarakat Kadayan. Selain itu, semasa membuat *pakanan raja* golongan orang tua yang umurnya melebihi 60 tahun akan dipertanggungjawabkan. Ini disebabkan pada usia ini mereka sudah menopause dan tidak didatangi haid lagi. Sebab itu, sewaktu ritual ini dijalankan, kebanyakan yang terlibat membuat *pakanan raja* ini terdiri dalam kalangan mereka yang berumur. Berdasarkan kepada faktor tersebut, setiap perlakuan itu mestilah mengikut ajaran agama Islam

dan diadun dengan kepercayaan tradisi melalui nilai *kesucian* yang kemudiannya diterima oleh generasi sekarang.

Rumusan

Secara umumnya simbol yang terdapat dalam ritual *Makan Tahun* ini bukan sahaja dapat digambarkan melalui perbuatan secara lahiriah tetapi ia banyak mencerminkan kepada tujuan sesuatu perlakuan itu dibuat. Dalam kalangan menyampaikan maksud yang dihajati itu, ia merangkumi dua aspek yang paling nyata iaitu aspek yang menjurus kepada bentuk ritual yang berupa unsur-unsur tradisi dan bentuk keagamaan iaitu agama Islam. Berdasarkan keperluan semasa, *bomoh* akan menyelesaikan hal-hal yang berkaitan dengan amalan tradisi iaitu yang berkaitan dengan roh, semangat, makhluk ghaib dan perkara-perkara yang sukar dilakukan oleh manusia biasa. Tugas *bomoh* adalah untuk mewakili masyarakat setempat untuk berkomunikasi bersama perkara-perkara yang dianggap sebagai supernatural itu. Melalui pengalaman dan kepandaian *bomoh* akan membuat perjanjian dengan memberikan beberapa bentuk hadiah melalui mantera yang dibaca.

Konsep simbol yang kedua pula lebih menjurus kepada keperluan utama membuat ritual tersebut iaitu sebagai tanda *kesyukuran* kepada Allah SWT. Dengan berpegang kepada agama Islam, masyarakat Kadayan percaya wujudnya tuhan dan para rasul-Nya. Melalui orang-orang agama iaitu ustaz, pak aji dan pak imam, mereka adalah sebagai perantara untuk membantu memudahkan tugas untuk menyampaikan maksud majlis tersebut melalui doa dan sebagainya. Unsur-unsur simbolik dalam keagamaan ini amat jelas sekali diperlihatkan melalui *Ratib Saman*, doa, solat Dhuha, solat Hajat, bacaan Surah *Yasin* dan doa selamat. Kesemua perkara-perkara yang berkaitan dengan keagamaan akan diketuai oleh orang-orang agama. Ini disebabkan mereka adalah lebih arif tentang setiap perlakuan tersebut. Selain itu, berdasarkan surah-surah yang terdapat dalam kalangan Al-Quran telah dijadikan sebagai garis panduan pada setiap perbuatan yang bertujuan untuk memberkati segala usaha mereka selama beberapa hari.

Walaupun dalam kalangan pelaksanaan ritual ini terdapat pelbagai adunan iaitu antara unsur-unsur tradisi dan keagamaan ia sebenarnya untuk mewujudkan *kebersamaan* melalui nilai *kesucian* yang dimainkan oleh *bomoh* dan ustaz. Melalui nilai *kebersamaan* itu, telah meleraikan pelbagai permasalahan tentang penanaman padi dan krisis-krisis yang terdapat dalam kalangan masyarakat Kadayan terutamanya

yang berkaitan dengan budaya padi. Kepercayaan-kepercayaan yang terdapat dalam kalangan ritual itu dijadikan sebagai amalan supaya mewujudkan satu suasana yang baru iaitu konsep *kebersamaan*. Pada peringkat akhirnya, semua yang dilakukan oleh mereka adalah untuk menyelesaikan pelbagai masalah penanaman padi seperti penyakit, gangguan makhluk halus, haiwan perosak dan sebagainya. Selain itu, dalam masa yang sama ritual yang dilakukan adalah untuk meleraikan krisis kehidupan yang boleh menyebabkan pergaduhan dalam kalangan masyarakat Kadayan. Malah untuk mencapai maksud *kesyukuran* kepada Allah SWT mereka perlu bersama-sama melakukannya demi untuk memastikan segala yang dihajati dapat dicapai.

Rujukan

- Abdul Rahman Madjrie. 1989. *Meluruskan Tauhid: Kembali ke Aqidah Salaf*. Bandung: Prima Press.
- Abdullah Taib. 1985. *Asas-asas Antropologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Catherine M. Bell. 1992. *The Ritual Theory: Ritual Practice*. London: Oxford University Press.
- Clifford Geertz. 1969. *The Religion of Java*. New York: The Free Press.
- Dan Sperber. 1975. *Rethinking Symbolism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Hashim Awang. 1985. *Citra Budaya*. Kuala Lumpur.
- Ismail Hamid. 1991. *Masyarakat dan Budaya Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mary Douglas. 1966. *Purity and Danger: An Analysis of Concepts of Pollution and Taboo*. London: Routledge & Keegan Paul.
- Othman Yatim dan Halim Nasir. 1990. *Epigrafi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Siti Norkhalbi Hj. Wahsalfelah. 1996. Ratib Saman: Tinjauan Awal. *JANANG* 6. Akademi Pengajian Brunei.
- Thomas F., O'Dea. 1994. *Sosiologi Agama: Suatu Pengenalan Awal*. Jakarta: Manajemen Pt RajaGrafindo Persada.
- Victor Turner. 1957. *Schism and Continuity in an African Society: A Study of Ndembu Village Life*. Manchester, England: Manchester University Press.
- Wan Abdul Kadir Wan Yusoff. 1992. Budaya Padi: Padalam kalangan Penghidupan Orang Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu* 4: 1-19.
- Zawawi Haji Ahmad. 2008. *Tafsiran Surah Yasin dari Perspektif Sains dan Sejarah*. Al-Muttaqin: Mesir.

